

KERTAS MODEL PT3 (2)

Arahan: Jawab semua soalan dalam Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan satu soalan dalam Bahagian D.

BAHAGIAN A [25 markah]

1 Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu** kesalahan bahasa. Gariskan kesalahan bahasa tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Oleh sebab kesesakan di Lebuhraya Utara-Selatan, saya sekeluarga tiba di Simpang Renggam menjelang waktu Maghrib.

- (ii) Ketika mengunjungi Balai Seni Visual Negara, kami tertarik dengan lukisan yang dihasilkan oleh Latiff Mohidin.

- (iii) "Kalau kamu hendak teruskan niat untuk balik ke kampung dan menjadi usahawan tani, ayah tidak menghalang," kata Pak Deris kepada anaknya, Haris.

- (iv) Beberapa cadangan-cadangan oleh ahli jawatankuasa persatuan telah dibincangkan dalam mesyuarat itu.

[8 markah]

2 Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu** kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Pergolakkan di negeri itu berpunca daripada perbalahan dalam kalangan pemimpin atasannya.

- (ii) Beliau menyeru para atlit negara ke Sukan Asia 2014 di Incheon, Korea Selatan supaya menunjukkan semangat kesukanan yang tinggi.

- (iii) Urusniaga yang rancak di Bursa Saham Kuala Lumpur memungkinkan indeks berada pada paras yang tertinggi pada hari ini.

[3 markah]